

Headline	Transformasi industri buluh perlu holistik		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	25 Sep 2023	Color	Black/white
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	31	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	496 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,952
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 8,856



# Transformasi industri buluh perlu holistik

**KUALA LUMPUR:** Transformasi industri buluh perlu dilakukan secara holistik bagi mewujudkan suasana yang kondusif agar peralihan struktur industri daripada berorientasikan kecil-kecilan kepada industri hiliran yang mengeluarkan produk buluh bernilai tambah tinggi dapat dicapai.

Justeru, Timbalan Perdana Menteri Dato Sri Fadillah Yusof menggesa agar semua pihak yang terlibat secara langsung dengan pembangunan industri itu mengambil langkah proaktif bagi memastikan pembaharuan berlaku dalam rantaian pengeluaran daripada industri huluian sehingga peringkat hiliran.

"Dalam konteks ini, penghasilan produk buluh yang mempunyai nilai pasaran yang tinggi perlu diutamakan, menerusi inovasi, pembangunan modal insan dan teknologi yang terkini. Aspek ini hendaklah sentiasa diterapkan dalam kalangan semua pihak seperti usahawan, profesional, penyelidik, pereka bentuk, pengubah dasar dan pihak lain yang berkaitan.

"Saya yakin dengan program penyelidikan, pembangunan dan galakan yang berterusan, industri buluh berupaya mengoptimalkan penggunaan sumber bahan mentah ini sebagai sumber alternatif dalam industri perikanan," kata-

nya ketika merasmikan sambutan Hari Buluh Sedunia Malaysia 2023 (WBD 2023) di sini kelmarin.

Fadillah yang juga Menteri Perladangan dan Komoditi berkata Malaysia mempunyai lebih kurang 70 spesies buluh, dan 45 daripada spesies berkenaan merupakan spesies tempatan yang tumbuh secara semula jadi di kawasan hutan.

"Dari segi taburan penanaman, sebanyak 31 peratus tanaman buluh terdapat di Semenanjung Malaysia, 45 peratus di Sarawak dan 24 peratus di Sabah.

"Di Semenanjung Malaysia, keluasan taburan tanaman buluh adalah lebih kurang 229,122.57 hektar. Walaupun dari segi sumbangan nilai eksport produk ini tidak besar berbanding produk perikanan lain, ia mempunyai potensi yang sangat besar untuk dimajukan dan digunakan sebagai bahan alternatif kayu untuk pelbagai jenis aplikasi," katanya.

Beliau dalam pada itu menyarankan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) bekerjasama dengan Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (STIDC) dalam membangunkan industri buluh negara.

Fadillah berkata pada tahun lepas, nilai eksport produk buluh berjumlah RM14.46 juta iaitu peningkatan sebanyak 66.1 peratus



berbanding tahun sebelumnya yang berjumlah RM8.7 juta, manakala nilai import produk buluh bagi 2022 adalah sebanyak RM129.18 juta dengan kebanyakannya diimport dari China, Indonesia dan Vietnam.

"Pada masa kini, terdapat sebanyak 577 pengusaha yang terlibat secara langsung dalam industri berasaskan buluh di Malaysia merangkumi industri papan buluh, perabot, pembinaan, tekstil, perladangan, makanan dan arang serta kraf tangan," katanya.

Beliau berkata bagi memastikan industri buluh terus berkem-

bang maju, Kementerian Perladangan dan Komoditi menerusi MTIB membangunkan Pelan Tindakan Pembangunan Industri Buluh Malaysia 2021-2030 yang memfokuskan kepada lima teras strategik.

Lima teras berkenaan ialah Pengukuhan Dasar dan Perluasan Sumber; Peningkatan Modal Insan, Kepakaran dan Kapasiti; Pengukuhan Inovasi, Teknologi dan R&D&C (penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan); Pemerkasaan Rantaian dan

**LAWAT....**  
Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Perladangan dan Komoditi Dato Sri Fadillah Yusof melawat ruai pameran produk-produk berasaskan buluh selepas Majlis Perasmian Program World Bamboo Day Malaysia 2023 di Auditorium Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) kelmarin.  
• Foto BERNAMA

Jaminan Kualiti; dan Pengukuhan Strategi Pemasaran dan Perkongsian Pintar.

Pada majlis itu, Fadillah turut melancarkan buku bertajuk 'Industri Arang Buluh di Malaysia' yang diterbitkan bersama MTIB dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan) FRIM Dr. Norwati Muhammad. — Bernama